

PERSEPSI PENAGIH, IBUBAPA DAN MASYARAKAT TERHADAP DADAH

oleh

Ahmad Shukri Bin Mohd Nain

Paimah Bt Atoma

Rozeyta Bt Omar

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai, Johor
s_naim@hotmail.com / 07 5531813

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk membentangkan kepada para peserta seminar mengenai sebahagian daripada penemuan hasil kajian yang telah dilakukan pada tahun 2000 mengenai peranan dan tanggungjawab ibu bapa atau keluarga dan masyarakat terhadap aspek pencegahan dan pemulihan dadah di negeri Johor serta mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong penagih melibatkan diri dalam gejala penagihan. Responden kajian terdiri daripada 413 orang penagih lelaki dan 110 orang penagih wanita, 500 orang ibu bapa atau ahli keluarga penagih, 100 orang wakil masyarakat bagi setiap daerah di negeri Johor dan 85 orang pegawai di Pusat Serenti Tampoi, Muar, Kemumin dan Kelantan. Masalah penagihan dadah di Malaysia bukanlah satu masalah yang baru, malah telah berbangkit sejak empat dekad yang lalu, namun ianya semakin serius dan membimbangkan pelbagai pihak sehingga ke hari ini. Permasalahan dadah merupakan satu fenomena yang kompleks kerana ianya berkaitan dengan pelbagai isu, seperti isu pencegahan, undang-undang dan hukuman, penguatkuasaan, pemulihan dan lain-lain. Permasalahan dadah juga merupakan isu yang kompleks kerana ianya melibatkan pelbagai pihak secara langsung ataupun tidak langsung, seperti, para penagih, pengedar dadah, keluarga, ibu bapa, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain. Namun, kertas kerja ini hanya membentangkan dapatan mengenai persepsi penagih, ibu bapa atau keluarga dan masyarakat terhadap dadah. Persepsi tersebut adalah penting sebagai sebahagian daripada input untuk membantu pihak-pihak yang berkaitan untuk memahami sebahagian daripada permasalahan dadah di negara ini yang kemudiannya dapat digunakan untuk membantu usaha merangka strategi bagi membentarasnya dari semasa ke semasa.

PENGENALAN

Mengikut statistik dari Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) bilangan penagih dadah yang dikesan pada tahun 1974 adalah seramai 450 orang. Sepuluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 1984 bilangan telah meningkat berkali ganda kepada 8,140 orang penagih. Sejak dari tahun 1988 sehingga tahun 2002 pula jumlah penagih dadah yang dikesan ialah seramai 235, 459 orang iaitu lebih kurang 1.5 % daripada jumlah penduduk di negara ini (<http://www.adk.gov.my>), 1/10/2004). Di sepanjang tahun 2003 pula jumlah penagih yang di kesan ialah seramai 36996 orang di mana 20194 (54.58%) adalah penagih baru dan selebihnya iaitu seramai 16802 (45.42%) adalah kes berulang. Purata pertambahan kes penagihan dadah sebulan ialah seramai 3083 orang (rujuk jadual 1.0). Statistik terkini (sehingga Jun 2004) pula menunjukkan jumlah akumulatif penagih dadah yang dikesan ialah 23,717, iaitu 11,794 orang (49.73%) adalah penagih baru dan

11,923 orang (50.27) adalah penagih berulang. Purata pertambahan ialah sebanyak 3953 orang , iaitu 1966 penagih baru dan 1987 penagih berulang (rujuk jadual 1.0). Majoriti daripada penagih (hampir 99%) adalah terdiri daripada golongan lelaki. Sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan penagih adalah terdiri daripada kaum Melayu (60-70%). Antara negeri yang mempunyai kes penagih dadah yang tinggi secara relatifnya ialah Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Kedah, Kelantan, Sabah, Selangor, Johor dan Perak.

Jadual 1.0: Jumlah penagih untuk tahun 2003 dan sehingga Jun 2004

Jumlah Penagih	TAHUN 2003		JANUARI-JUN 2004	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Baru	20194	54.58	11794	49.73
Berulang	16802	45.42	11923	50.27
Jumlah	36996 (3083 purata sebulan)		23717 (3953 purata sebulan)	

Sumber NADI

Majoriti daripada penagih yang di kesan mempunyai kelulusan SPM dan ke bawah (60-70%), khususnya yang berada di sekolah menengah (lebih kurang 50% daripada jumlah penagih yang dikesan) (rujuk jadual 1.2). Statistik tersebut menunjukkan mereka yang belajar sehingga ke tingkatan lima, sebahagiannya masih belum mempunyai nilai hidup yang mencukupi dan mantap untuk mengharungi cabaran-cabaran semasa. Justeru, strategi pencegahan jangka panjang perlulah difokuskan kepada kumpulan tersebut khususnya yang berkaitan dengan aspek memperkasakan nilai-nilai hidup yang murni pada paras yang mencukupi dan mantap.

Jadual 1.2: Profil penagih mengikut kelulusan bagi tahun 2003 dan 2004

Profail Penagih Mengikut Kelulusan	TAHUN 2003		JANUARI-JUN 2004	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Sekolah Rendah ke bawah	5817	16	3575	15
SRP - SPM	19965	54	12042	51
STPM dan ke atas	578	2	378	2
Tiada Maklumat	10636	28	7722	32

Sumber: NADI

Dari segi taburan umur pula majoriti daripada para penagih yang dikesan adalah berumur antara 20 hingga 44 tahun (81%) iaitu terdiri daripada golongan dewasa (rujuk jadual 1.3). Tempuh umur antara 20 hingga 40 tahun merupakan tempuh hidup yang kritikal kepada seseorang individu. Dalam tempuh tersebutlah seseorang individu berdepan dengan cabaran hidup yang paling getir iaitu untuk mendapatkan jaminan ekonomi (mendapatkan pekerjaan), membina kehidupan sosial (berkeluarga), membina kerjaya dan pada waktu yang sama jika sudah berkeluarga berdepan dengan anak-anak yang sedang membesar. Kesemua fasa-fasa kehidupan tersebut merupakan satu cabaran besar kepada setiap individu. Hanya mereka yang mempunyai ilmu, keimanan dan nilai hidup yang mantap mampu mengharunginya dengan baik. Jika dalam tempuh yang kritikal ini seseorang individu berjaya mengemudikan kehidupannya dengan baik, maka akan baiklah untuk kehidupan di fasa-fasa yang seterusnya dan begitulah sebaliknya.

Jadual 1.3: Profil penagih mengikut umur bagi tahun 2003 dan 2004

Profail Penagih Mengikut Umur	TAHUN 2003		JANUARI-JUN 2004	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Di bawah 19 tahun	2198	6	1250	5
20-29 tahun	14381	39	9041	38
30-44 tahun	15304	41	10086	43
45 tahun dan ke atas	3788	10	2525	11
Tiada Maklumat	1325	4	815	3

Daripada analisis terhadap profil-profil penagih dadah di atas, beberapa rumusan dapat dikenal pasti. Pertama, golongan yang begitu rapuh dan berpotensi besar untuk terlibat dengan masalah penagihan dadah ialah golongan remaja. Kedua, ternyata terdapat beberapa pihak yang mempunyai peranan yang amat signifikan untuk bersama-sama mencegah penagihan dadah di kalangan golongan yang berisiko tinggi dan memulih kembali para penagih dadah. Antara pihak-pihak tersebut, ialah ibu bapa dan masyarakat. Namun, persoalannya bagai manakah sikap ibu bapa dan masyarakat terhadap permasalahan penagihan dadah yang berlaku di sekeliling mereka? Perbincangan yang selanjutnya ialah mengenai persepsi para penagih, ibu bapa atau keluarga dan masyarakat terhadap permasalahan dadah.

Persepsi para penagih terhadap penagihan dadah

Responden kajian terdiri daripada 413 orang penagih lelaki dan 110 orang penagih wanita, 500 orang ibu bapa atau ahli keluarga penagih, 100 orang wakil masyarakat bagi setiap daerah di negeri Johor dan 85 orang pegawai di Pusat Serenti Tampi, Muar, Kemumin dan Kelantan. Pengumpulan data adalah dengan menggunakan tiga set soal selidik, iaitu setiap set untuk para penagih, ibu bapa atau keluarga dan masyarakat. Kajian rintis telah dijalankan untuk menilai tahap kebolehpercayaan setiap set soal selidik tersebut. Cronbach Alpha yang diperolehi bagi set-set

soal selidik tersebut ialah 0.83 untuk set soal selidik para penagih, 0.8146 untuk ibu bapa atau keluarga dan 0.813 untuk masyarakat umum.

Jadual 1.4: Pembahagian Skor Mengenai Tahap Persepsi Responden

Skala Jawapan	Tahap Persepsi	Julat Skor
Sangat Tidak Setuju Tidak Setuju	Rendah	1.00-2.33
Sederhana Setuju	Sederhana	2.331-3.66
Setuju Sangat Setuju	Tinggi	3.661-5.00

Kesemua set soal selidik menggunakan skala 5 mata, iaitu *Sangat Tidak Setuju*, *Tidak Setuju*, *Sederhana Setuju*, *Setuju* dan *Sangat Setuju*. Daripada 5 skala yang digunakan, ianya dijadikan tiga kategori tahap penilaian seperti dalam jadual 1.4., iaitu persepsi yang *rendah*, *sederhana* dan *tinggi*.

Daripada kajian yang dijalankan, beberapa profil penagih dadah secara umum seperti yang dikemukakan di bahagian pengenalan adalah sama dapatannya dengan profil penagih dadah yang di kaji di Johor. Profail-profail lain penagih yang diperolehi daripada kajian yang di jalankan (di kalangan 523 responden) ialah seperti berikut:

1. Majoriti adalah masih bujang – 68.2%
 2. Majoriti tinggal bersama keluarga – 76.29%
 3. Majoriti mempunyai bilangan keluarga antara 2-10 orang – 90.2%
 4. Kebanyakan penagih mempunyai bapa yang tidak bekerja – 26.95%, peneroka 16.405, peniaga 9.75% dan buruh am 8.22%
 5. Majoriti mula mengambil dadah di bawah umur 20 tahun 60.7%
 6. Mempunyai pengetahuan agama yang tinggi – 91.8%
 7. Punca penagihan ialah (1) ingin mencuba (min skor 3.76), (2) Pengaruh kawan-kawan (min skor 3.25) dan (3) masalah kehidupan (min skor 3.15)
1. Majoriti tahu tentang bahayanya dadah – 85.65%

Daripada Profail-profail tersebut sekali lagi ternyata keluarga, masyarakat dan institusi pendidikan formal mempunyai peranan yang penting untuk menerapkan nilai-nilai hidup yang mencukupi dan mantap agar generasi yang dilahirkan mampu mengemudi kehidupan mereka dengan baik dan selamat. Ternyata kualiti kehidupan keluarga perlu dipertingkatkan, beberapa aspek pendidikan di

sekolah perlu dinilai kembali, sebahagian daripada program pencegahan dan pemulihan dadah perlu di teliti kembali dan peranan masyarakat perlu diperkasakan.

Persepsi ibu bapa atau keluarga terhadap penagihan dadah

Dapatan adalah berdasarkan kajian di kalangan 500 orang ibu bapa atau ahli keluarga penagih di pusat-pusat serenti di negeri Johor. Antara aspek-aspek yang di kaji ialah profail demografi ibu bapa, persepsi terhadap hubungan kekeluargaan sebelum mengetahui anak menjadi penagih dadah dan selepas anak diketahui menjadi penagih dadah, persepsi mereka terhadap program pencegahan dan pemulihan dadah, tahap sokongan yang diberikan oleh keluarga terhadap penagih dan harapan ibu bapa terhadap usaha-usaha membentaras permasalahan dadah.

Dari aspek tahap hubungan antara ibu bapa dan anak-anak, sebelum mengetahui anak terlibat dalam ketagihan dadah hubungan ibu bapa dengan anak-anak hanyalah sederhana mesra (77.8%) (rujuk jadual 1.5). Dapatan ini bermaksud ibu bapa atau keluarga kurang memberikan kasih kepada anak-anak mereka, bersikap kurang tegas, kurang bersama-sama dengan anak-anak, jarang berbincang atau berkomunikasi, selalu berbeza pandangan tanpa usaha untuk mencari titik pertemuan, suka berleter dan memberi terlalu banyak kebebasan tanpa kawalan kepada anak-anak mereka.

Jadual 1.5: Persepsi ibu bapa mengenai tahap kemesraan dengan anak-anak sebelum mengetahui menjadi penagih dadah

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak mesra	1	0.2
Sederhana mesra	389	77.8
Mesra	110	22.0
Jumlah	500	100.0

Namun, sikap ini berubah apabila mereka mengetahui anak mereka telah terlibat dalam kancas penagihan dadah (rujuk jadual 1.6). Majoriti ibu bapa (71.6%) berubah sikap menjadi lebih mesra atau positif setelah sesuatu musibah berlaku. Namun, ianya telah agak terlewat kerana proses pemulihan penagih dadah bukanlah merupakan satu usaha yang mudah.

Jadual 1.6: Persepsi ibu bapa mengenai tahap kemesraan dengan anak-anak selepas mengetahui menjadi penagih dadah

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak mesra	1	0.2
Sederhana mesra	141	28.2
Mesra	358	71.6
Jumlah	500	100.0

Walau bagaimanapun, kajian mendapati para ibu bapa atau keluarga penagih masih tidak berputus asa di man 94.4% daripada responden sentiasa menyokong sebarang usaha untuk memulihkan anak mereka (rujuk jadual 1.7).

Jadual 1.7: Persepsi ibu bapa mengenai sokongan atau usaha mereka terhadap penagih dadah

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak positif	0	0
Sederhana positif	28	5.6
Positif	472	94.4
Jumlah	500	100.0

Malah, 94.4% mempunyai persepsi yang positif terhadap sebarang usaha pencegahan dan pemulihan dadah (rujuk jadual 1.8). Beban kehidupan yang di alami oleh mereka apabila mempunyai anak yang terlibat dalam kancah penagihan dadah menyebabkan seboleh mungkin mereka tidak mahu anak-anak yang lain turut terlibat dalam kancah tersebut, manakala anak yang telah terlibat diberikan pengharapan yang penuh untuk dipulihkan kembali. Dalam konteks ini, ternyata pengalaman merupakan guru yang paling baik. Ini juga merupakan salah satu sebab mengapa sebahagian masyarakat umum tidak berminat dan menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap permasalahan dadah kerana mereka tiada langsung pengalaman mengenai keperitan ancaman dadah, seperti mana yang di hadapi oleh keluarga-keluarga yang berkaitan.

Jadual 1.8: Persepsi ibu bapa terhadap program pencegahan dan pemulihan dadah

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak positif	0	0
Sederhana positif	28	5.6
Positif	472	94.4
Jumlah	500	100.0

Justeru, majoriti ibu bapa (94.4%) masih menaruh harapan yang tinggi agar masalah dadah dapat dibentasi sepenuhnya seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.9. Mereka amat menyesal dengan sikap kurang bertanggungjawab terhadap anak-anak dan berazam untuk menjadi ibu dan bapa yang lebih baik, mengharapkan masyarakat dapat sama-sama turut membantu mereka, mengharapkan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat dan mengharapkan pusat-pusat pemulihan dapat meningkatkan lagi keberkesanan program-program yang dilaksanakan.

Jadual 1.9: Persepsi ibu bapa mengenai harapan mereka terhadap penagih dadah

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak ada harapan	0	0
Harapan yang sederhana	12	2.4
Harapan yang tinggi	488	97.6
Jumlah	500	100.0

Persepsi masyarakat terhadap penagihan dadah

Dapatan adalah berdasarkan kajian di kalangan 885 orang anggota masyarakat daripada semua 8 daerah di Johor (Johor Bahru, Muar, Segamat, Pontian, Batu Pahat, Kota Tinggi, Kluang dan Mersing) yang terdiri daripada orang awam, pegawai kerajaan, pegawai di syarikat swasta, pemimpin masyarakat dan pegawai di pusat serenti di negeri Johor. Antara aspek-aspek yang di kaji ialah profail demografi masyarakat, persepsi terhadap penagih dadah, persepsi terhadap ibu bapa penagih, persepsi mereka terhadap permasalahan dadah, persepsi terhadap program pencegahan dan pemulihan dadah, persepsi terhadap peranan mereka dalam menangani masalah dadah serta harapan terhadap pembenterasan dadah.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti masyarakat umum (69.5%) hanya mempunyai persepsi yang sederhana positif terhadap penagih dadah (rujuk jadual 1.10). Fakta ini menunjukkan masih ramai di kalangan masyarakat yang masih mempunyai sikap prejudis terhadap penagih dadah menyebabkan wujud jurang antara para penagih dengan masyarakat. Jurang yang seperti ini tentulah mewujudkan persekitaran yang tidak kondusif untuk proses pemulihan para penagih kerana sebahagian besar masyarakat masih bersifat prejudis terhadap mereka. Kepada masyarakat umum penagih adalah sampah masyarakat yang tiada harapan untuk dipulihkan, mereka dianggap sebagai membebankan yang menjatuhkan imej keluarga dan masyarakat serta harus diberikan hukuman yang lebih berat.

Jadual 1.10: Persepsi masyarakat umum terhadap penagih

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak positif	5	0.63
Sederhana positif	556	69.5
Positif	239	29.9
Jumlah	800	100.0

Dapatan yang sama juga di perolehi berkaitan dengan persepsi masyarakat terhadap ibu bapa penagih dadah. 61.9% responden hanya mempunyai sikap positif yang sederhana menyebabkan ibu bapa para penagih di pinggirkan dalam masyarakat (rujuk jadual 1.11). Situasi seumpama ini telah menimbulkan satu tekanan kepada mereka kerana sentiasa di pandang serong. Sudahlah berhadapan dengan masalah anak yang ketagihan dadah, sebahagian masyarakat pula menyisihkan diri daripada mereka. Ini menjadikan usaha keluarga untuk memulihkan anak-anak mereka daripada ketagihan dadah menjadi lebih sukar. Pada persepsi majoriti masyarakat umum, ibu bapa penagih adalah tidak bertanggungjawab, terlalu memberi kebebasan kepada anak-anak mereka dan tidak memberikan didikan agama yang mencukupi.

Jadual 1.11: Persepsi masyarakat umum terhadap ibu bapa penagih

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak positif	27	3.4
Sederhana positif	495	61.9
Positif	278	34.8
Jumlah	800	100.0

Majoriti masyarakat juga di dapati tidak begitu positif dengan program-program atau usaha-usaha pencegahan dan pemulihan dadah. Dapatan menunjukkan 83.4% mempunyai persepsi sederhana positif terhadap aspek pencegahan dan pemulihan (rajuj jadual 1.12). Sikap yang seumpama ini menyebabkan persepsi terhadap penagih dan ibu bapa penagih juga tidak begitu positif. Berdasarkan dapatan tersebut, masalah dadah seolah-olah hanya merupakan masalah keluarga, para penagih itu sendiri dan agensi-agensi penguat kuasa dan pemulihan yang berkaitan sahaja. Malah masyarakat umum meragui integriti dan keberkesanan agensi-agensi yang berkaitan dengan pencegahan dan pemulihan dadah.

Jadual 1.12: Persepsi masyarakat umum terhadap program pencegahan dan pemulihan dadah

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak positif	2	0.25
Sederhana positif	667	83.4
Positif	131	16.4
Jumlah	800	100.0

Hakikat ini adalah benar kerana dapat kajian juga mendapati 91.6% responden mempunyai persepsi sederhana positif terhadap penting peranan masyarakat dalam menangani masalah dadah (rujuk jadual 1.13). Responden bersetuju bahawa masyarakat dalam konteks ini lebih banyak mencemuh daripada mengambil berat tentang permasalahan dadah, kurang keinginan untuk

memberikan kerjasama malah lebih suka tunggu dan lihat sahaja, tidak bersikap proaktif dan tidak berminat dengan program-program yang berkaitan dengan permasalahan dadah, seperti ceramah dan kursus.

Jadual 1.13: Persepsi masyarakat umum terhadap peranan mereka dalam menangani masalah dadah

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak positif	6	0.8
Sederhana positif	733	91.6
Positif	61	7.6
Jumlah	800	100.0

Ironinya sebahagian besar masyarakat menganggap dadah adalah satu masalah besar yang di hadapi oleh negara kita. Sebanyak 88.4% responden percaya dadah adalah musuh negara, penggunaan dadah adalah salah di sisi agama, dadah diumpamakan seperti najis, dadah menjejaskan kesihatan, dadah boleh membunuh, dadah menjadi punca pelbagai penyakit dan dadah juga dipercayai punca meningkatnya bilangan jenayah (jadual 1.14).

Jadual 1.14: Persepsi masyarakat umum terhadap masalah dadah

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak positif	2	0.25
Sederhana positif	91	11.4
Positif	707	88.4
Jumlah	800	100.0

Namun demikian, masyarakat umum mempunyai harapan yang tinggi agar permasalahan dadah dapat di atasi. Sebanyak 79.3% responden mempunyai persepsi yang positif agar penagih dapat dipulihkan kembali dan berperanan kembali secara normal dalam masyarakat (jadual 1.15). Tentulah harapan tersebut amatlah baik, tetapi harapan semata-mata tanpa menunjukkan komitmen untuk sama-sama berusaha membentaras permasalahan menyebabkan matlamat tersebut akan menjadi utopia semata-mata.

Jadual 1.15: Persepsi masyarakat umum mengenai harapan mereka terhadap penagih

Persepsi	Jumlah	Peratus
Tidak positif	5	0.63
Sederhana positif	556	69.5
Positif	239	29.9
Jumlah	800	100.0

RUMUSAN DAN CADANGAN.

Daripada beberapa penemuan yang telah dibincangkan di atas, beberapa rumusan dan cadangan dapat dikenal pasti:

1. Masalah dadah masih merupakan ancaman yang besar kepada negara dan trend yang menunjukkan tidak berlakunya pengurangan. Oleh demikian, wajarlah satu penilaian yang lebih menyeluruh di buat terhadap semua aspek dan pihak yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan masalah tersebut agar satu pelan tindakan yang lebih komprehensif dan praktikal dapat dihasilkan khususnya untuk penyelesaian masalah tempuh jangka masa panjang.
2. Beberapa institusi yang penting perlu dimantapkan agar usaha mencegah penyalahgunaan dan pemulihan dadah akan lebih berjaya, seperti institusi keluarga, masyarakat umum, sekolah, badan penguat kuasa, kerajaan tempatan dan pusat-pusat pemulihan.
3. Penerapan dan pengukuhan nilai hidup perlu dimulakan sejak kecil dan diteruskan serta dipertingkatkan di lingkungan awal, pertengahan dan akhir remaja. Profil para penagih secara konsisten menunjukkan majoriti daripada penagih berpendidikan sekolah menengah, berumur kurang daripada 20 tahun dan tinggal bersama-sama dengan keluarga. Mereka ini merupakan golongan berisiko tinggi yang perlu diberikan lebih fokus agar dapat mengamalkan satu gaya hidup yang seimbang dan lebih sihat.
4. Secara spesifiknya kedudukan dan fungsi keluarga perlu dimantapkan agar ianya lebih berkesan untuk melaksanakan proses sosialisasi nilai-nilai kehidupan yang asa kepada setiap individu.

5. Secara spesifik juga berdasarkan kajian ini, peranan masyarakat setempat perlu digembelingkan untuk tujuan pengukuhan kehidupan bersosial dalam sesebuah komuniti. Masyarakat adalah penting sebagai satu mekanisme kawalan sosial dan sosialisasi kehidupan seseorang individu. Kajian-kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti tahap kejeleketan kehidupan berkomuniti serta mengenal pasti mekanisme untuk mengembalikan peranannya sebagai 'penjaga' setiap anggota masyarakat.

6. Program-program mengenai pencegahan dan pemulihan dadah hendaklah dinilai akan keberkesanannya agar ianya dapat diperbaiki dan dimantapkan. Sebagai contoh, kepakaran daripada institusi-institusi pengajian tinggi boleh digunakan. untuk menilai keberkesanan program-program tersebut.